

## **TAFSIR NABAWI: KAJIAN ANALISIS TERHADAP KITAB TAFSIR AL-QURAN (SURAH AL-BAQARAH) DARIPADA KITAB SAHIH AL-BUKHARI**

Muhammad Lukman Mat Sin

Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000, Perlis,  
Malaysia.

Tel: +6018-4001483, E-Mel: [drlukmanms@kuips.edu.my](mailto:drlukmanms@kuips.edu.my)

Khalilullah Amin Ahmad, KUIPs

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, 06010  
Sintok, Kedah, Malaysia.

Tel: +60134749745, E-Mel: [amin@kuips.edu.my](mailto:amin@kuips.edu.my)

### **ABSTRAK**

Keseluruhan Sunnah sama ada *qauli*, *fi'li* atau *taqriri* merupakan penjelasan dan sumber utama dalam pentafsiran al-Quran. Pentafsiran al-Quran dengan Sunnah pula boleh dibahagikan kepada pentafsiran secara langsung dan tidak langsung. Pentafsiran al-Quran secara langsung juga dikenali dengan tafsir Nabawi. Pengkaji mengkaji tiga aspek yang akan menjelaskan pemahaman terhadap tafsir Nabawi, iaitu pendefinisan, jenis-jenis dan bentuk pentafsirannya. Berdasarkan pemahaman tersebut, pengkaji melakukan analisis terhadap Kitab Tafsir al-Quran daripada Kitab Sahih al-Bukhari. Batasan kajian yang dipilih ialah riwayat hadith tafsir surah al-Baqarah yang terdiri daripada tujuh puluh satu hadith. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data kepustakaan bagi mengenal pasti aspek-aspek penting bagi tafsir Nabawi dan metode kajian analisis kandungan terhadap riwayat-riwayat tafsir yang telah dipilih daripada kitab Sahih al-Bukhari. Dapatkan kajian menunjukkan fungsi dan peranan Sunnah dalam pentafsiran al-Quran di samping menonjolkan kepentingan Kitab Sahih al-Bukhari sebagai salah satu rujukan utama bagi Tafsir Nabawi.

**Kata kunci:** Tafsir Nabawi, Kitab Tafsir al-Quran, Surah al-Baqarah, Kitab Sahih al-Bukhari.

### **Pendahuluan**

Al-Quran al-Karim hendaklah dibaca dan difahami berdasarkan sumber-sumbernya yang muktabar. Selain pentafsiran al-Quran dengan al-Quran, keseluruhan Sunnah sama ada *qauli*, *fi'li* dan *taqriri* adalah merupakan sumber utama dalam penjelasan dan pentafsiran al-Quran. Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan al-Quran kepada baginda Nabi SAW agar baginda menyampaikan dan menjelaskan isi kandungannya kepada umat manusia. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Nahl, ayat 44:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْدِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Ertinya: "... Dan Kami turunkan pula kepada engkau wahai Muhammad al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menjelaskan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya".

Ayat ini menunjukkan bahawa antara tugas utama Nabi SAW adalah menerangkan Al-Quran

kepada umat manusia sama ada dari segi lafaz dan maknanya. Bahkan, umat manusia tidak dapat memahami makna Al-Quran dengan betul dan sempurna tanpa mengetahui dan mendalami Sunnah Nabi SAW. Kepentingan kedua-dua sumber ini dapat dilihat melalui tumpuan yang diberikan oleh para sahabat terhadap kedua-dua sumber ini. Al-Imam al-Bukhari -rahimahullah- menyatakan: “Kebiasaan mereka apabila para sahabat Rasulullah SAW berhimpun, mereka hanya saling mengingati kitab Tuhan mereka dan sunnah Nabi mereka; bukan sesuatu pandangan mahupun qias yang dibicarakan sesama mereka”. (Ibnu al-Qayyim, 1973).

Sunnah Nabi SAW juga merupakan jalan yang paling dekat dan selamat dalam memahami dan mentafsirkan al-Quran al-Karim dengan caranya yang betul. Sheikh al-Islam Ibnu Taimiyah (1995) -rahimahullah- telah menjelaskan ketika ditanya tentang cara pentafsiran yang paling sahih: “Bahawasanya cara pentafsiran yang paling sahih ialah mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran. Apa yang disebut secara umum pada sesuatu tempat adalah ditafsirkan pada tempat yang lain. Jika engkau tidak mendapatinya, maka hendaklah engkau merujuk Sunnah Nabi SAW kerana ia merupakan pensyarah dan penjelas bagi al-Quran”.

Apabila kita menelusuri sejarah kemunculan ilmu tafsir, kita akan mendapati bahawa peringkat awal ilmu tafsir telah bermula secara periwayatan seperti ilmu hadith. Apabila hadith-hadith mula ditulis, para penulis dan pengumpul hadith telah meletakkan riwayat-riwayat tafsir di bawah satu bab yang dinamakan bab tafsir. Ia mencakupi riwayat-riwayat tafsir yang *ma'thur* daripada Nabi SAW, para sahabat dan tabi'in. Hal ini berlaku sebelum fasa pengasingan riwayat-riwayat tafsir daripada penulisan hadith kepada bentuk penulisan tafsir yang tersendiri dan lengkap serta mengikut susunan surah di dalam mushaf al-Quran. (Al-Dzahabi, t.t).

Hal yang sama dapat diperhatikan dalam kitab-kitab hadith yang utama seperti Sahih al-Bukhari yang merupakan kitab yang paling sahih selepas al-Quran al-Karim. Ia dapat dijadikan sebagai bahan utama yang akan menjelaskan kepada kita bentuk pentafsiran al-Quran dengan Sunnah. Berdasarkan asas tersebut, pengkaji telah melakukan analisis terhadap Kitab Tafsir al-Quran daripada kitab Sahih al-Bukhari berdasarkan aspek pendefinisian, jenis-jenis dan bentuk pentafsirannya bagi menjelaskan pemahaman terhadap tafsir Nabawi. Walaubagaimanapun, dalam artikel ini, pengkaji hanya menghadkan skop kajian pada riwayat hadith tafsir surah al-Baqarah sahaja. Ia diharap dapat menunjukkan fungsi dan peranan Sunnah dalam pentafsiran al-Quran di samping menonjolkan kepentingan kitab Sahih al-Bukhari sebagai salah satu rujukan utama bagi tafsir Nabawi.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data kepustakaan bagi mengenalpasti aspek-aspek penting bagi tafsir Nabawi seperti pendefinisian, jenis-jenis dan bentuk pentafsirannya terhadap al-Quran al-Karim. Seterusnya pengkaji menggunakan metode kajian analisis kandungan (*content analysis*) terhadap riwayat hadith tafsir surah al-Baqarah daripada kitab Sahih al-Bukhari bagi melihat contoh dan aplikasi bagi aspek-aspek tersebut.

## **Tafsir Nabawi**

Baginda Nabi SAW merupakan pentafsir al-Quran yang paling awal dan ulung. Setiap kali turunnya wahyu, Baginda akan membacakannya kepada para sahabat dan menjelaskan ayat yang memerlukan kepada penjelasan serta meluruskan kefahaman mereka jika terdapat kekeliruan pada kefahaman mereka. Dalam konteks yang lebih luas, segala perbuatan dan

perakuan Nabi SAW juga dijadikan sumber rujukan dalam pemahaman dan pentafsiran al-Quran al-Karim. Justeru, pentafsiran al-Quran dengan Sunnah ini boleh dibahagikan kepada pentafsiran secara langsung dan tidak langsung. Pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara langsung inilah yang merujuk kepada tafsir Nabawi kerana yang mentafsirkan itu ialah Nabi SAW. Manakala pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara tidak langsung adalah merupakan ijtihad dan kefahaman pentafsir yang mengaitkan sesuatu Sunnah dengan pentafsiran sesuatu ayat walaupun pada asalnya Sunnah tersebut tidak datang dalam konteks menjelaskan makna ayat tersebut (Al-Tayyar, 2017). Bagi menjelaskan dengan lebih lanjut, pengkaji akan melihat beberapa aspek penting yang akan memberikan kefahaman terhadap tafsir Nabawi.

### *Definisi*

Tafsir Nabawi atau Tafsir al-Quran dengan Sunnah secara langsung telah didefinisikan oleh al-Batli (2011) sebagai: “Setiap percakapan, perbuatan dan perakuan yang datang daripada Nabi SAW dalam penerangan sesuatu makna al-Quran”. Menurut Al-Tayyar (2017) pula, Nabi SAW memang bermaksud menyebut atau mengisyaratkan kepada sesuatu ayat lalu mentafsirkan maknanya atau boleh juga dalam bentuk perakuan Baginda terhadap kefahaman sahabat bagi makna sesuatu ayat. Al-Tayyar juga menyatakan bentuk perakuan ini adalah sangat sedikit berlaku.

Berdasarkan takrifan ini dapat dilihat beberapa ciri penting untuk meletakkan pentafsiran al-Quran dengan Sunnah di dalam kategori tafsir Nabawi iaitu:

Nabi SAW memang bermaksud untuk mentafsirkan sesuatu ayat; sama ada Nabi SAW sendiri yang memulakan penjelasan atau penjelasan itu sebagai menjawab persoalan yang datang daripada para sahabat.

Pentafsiran itu mempunyai perkaitan secara langsung dengan Nabi SAW. Para pentafsir sama ada para sahabat atau generasi selepasnya hanya menukilkan sesuatu riwayat tanpa menggunakan sebarang ijtihad dalam menghubungkan riwayat tersebut dengan pentafsiran sesuatu ayat.

Berdasarkan asas ini juga, kita akan mendapati kadar tafsir Nabawi tidaklah banyak dan hal ini dapat dibuktikan dengan menyemak bilangan riwayat-riwayat hadith yang disandarkan kepada Nabi SAW dalam pentafsiran al-Quran.

Selain daripada asas yang telah dijelaskan ini, sekiranya ia masih berada dalam kerangka pentafsiran al-Quran dengan Sunnah, maka ia dikategorikan sebagai pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara tidak langsung.

### *Perincian Jenis-jenis Pentafsiran al-Quran dengan Sunnah:*

Berdasarkan kepada pendefinisian di atas dan penelitian pengkaji terhadap penulisan-penulisan yang berkaitan dengan topik ini, jenis-jenis pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara langsung (tafsir Nabawi) atau tidak langsung dapat diperincikan seperti berikut:

#### *Jenis-jenis Tafsir Nabawi:*

*Tafsir Lafzi Sarih:* iaitu tafsiran Nabi SAW secara nas atau lafaz yang langsung kepada makna ayat. Menurut al-Suyuti (1974): “Riwayat yang sahih berkenaan adalah sangat sedikit, bahkan riwayat yang marfu’ daripadanya tersangat sedikit”.

*Tafsir Fi 'li:* iaitu Tafsiran Nabi SAW melalui praktikal Baginda SAW terhadap sesuatu ayat.

*Tafsir Taqriri:* perakuan Nabi SAW terhadap kefahaman sahabat bagi makna sesuatu ayat.

*Tafsir Istisyhadi:* iaitu Nabi SAW menyebut suatu ayat di dalam percakapannya tanpa mentafsirkannya secara langsung. Sebaliknya baginda menyebut sesuatu ayat dengan tujuan memberikan sokongan terhadap sesuatu peristiwa atau penegasan dan perakuan terhadap percakapannya.

*Jenis-Jenis Tafsir Dengan Sunnah Secara Tidak Langsung:*

*Tafsir Lughawi:* Menggunakan Sunnah bagi menerangkan makna secara bahasa bagi sesuatu perkataan al-Quran.

*Tafsir Maudui:* Menggunakan Sunnah yang mengandungi keterangan secara tidak langsung bagi makna sesuatu ayat dalam menerangkan topik yang terkandung di dalam makna ayat tersebut.

*Tafsir Tarjihī:* Menggunakan Sunnah dalam mentarjihkan salah satu makna al-Quran yang dimaksudkan ketika berlakunya perselisihan pendapat.

*Tafsir Aam:* Menggunakan Sunnah Nabi SAW secara umum sama ada qauli, fi'li atau taqriri dalam menerangkan sesuatu makna al-Quran. Ia selain daripada bentuk-bentuk yang telah dinyatakan sebelum ini.

*Bentuk-bentuk Tafsir Nabawi*

Setelah diperincikan jenis-jenis pentafsiran al-Quran dengan Sunnah, penerangan Sunnah terhadap al-Quran ini dapat dilihat dalam pelbagai bentuk antaranya:

*Takhsis aam:* iaitu menkhususkan makna bagi sesuatu perkataan yang mempunyai makna yang tidak khusus.

*Bayan mujmal:* iaitu menerangkan makna bagi sesuatu perkataan yang mempunyai makna yang tidak diperincikan.

*Idhah al-Musykil:* iaitu menjelaskan makna bagi sesuatu perkataan yang menimbulkan kemusykilan

*Taqyid mutlaq:* iaitu mengikat makna bagi sesuatu perkataan yang mempunyai makna secara mutlak.

*Ta'yin mubham:* iaitu penentuan makna secara spesifik bagi sesuatu perkataan yang mempunyai makna yang tidak spesifik.

**Analisis Kandungan Terhadap Kitab Tafsir (Surah al-Baqarah) Daripada Kitab Sahih al-Bukhari**

*Pengenalan Kitab Sahih al-Bukhari*

Kitab Sahih al-Bukhari karya tulisan al-Imam al-Bukhari merupakan kitab yang paling sahih selepas al-Quran al-Karim (al-Nawawi, 1392). Nama penuh beliau ialah Abu ‘Abd Allah Muhammad Bin Ismail Bin Ibrahim Bin al-Mughirah Bin Bardizbah al-Ju’fi. Beliau telah dilahirkan di Bukhara pada hari Jumaat, 13 Syawal 194 Hijrah dan meninggal dunia pada hari sabtu, malam hari raya Eidul Fitri, tahun 256 Hijrah (al-‘Abbad, 1390). Menurut Ibn Kathir di dalam al-Bidayah wa al-Nihayah (1986): “Beliau rahimahullah telah meninggalkan ilmu yang bermanfaat bagi sekalian muslimin. Oleh itu, ilmunya tidak pernah terputus bahkan berterusan dengan kebaikan-kebaikan yang telah diberikan dalam kehidupan”. Salah satu sumbangan beliau yang sangat besar kepada umat ini ialah kitab Sahih al-Bukhari atau nama sebenar yang dinamakan oleh beliau:

"الجامع المسند الصحيح المختصر من أمور رسول الله صلى الله عليه وسلم وسننه وأيامه".

Bermaksud: Himpunan Sanad Sahih Ringkasan Daripada Perihal Rasulullah SAW, Sunnah-Sunnah Dan Hari-Harinya. (Ibnu Hajar, 1379 & Ibnu Solah, 1986).

Kitab ini telah disusun selama enam belas tahun dengan menjadikan hadith-hadith sahih sebagai subjek utama berserta perletakan bab, *ta’liqat*, *istinbat*, kata-kata salaf dan lain-lain. Justeru, beliau tidak hanya menghimpunkan riwayat-riwayat hadith sahaja bahkan telah menyusunnya berdasarkan kefahaman beliau terhadap riwayat-riwayat tersebut di dalam kitab ini. Kitab ini telah menghimpunkan sebanyak 7397 hadith *marfu’* (2602 tanpa berulang) dan 1341 hadith *marfu’ mu’allaq* (159 tanpa berulang) manakala bilangan hadith *mutaba’ah* dan diperselisihkan riwayatnya ialah sebanyak 344 hadith sahaja. Menurut Ibnu Solah (1986): “Dikatakan: Jika dibuang hadith-hadith yang berulang, jumlahnya ialah empat ribu hadith”. Ia merujuk kepada kesemua jenis hadith termasuk hadith *mauquf* dan *maqihu’* (al-‘Abbad, 1390).

Antara perkara yang menjadikan kitab ini sangat istimewa ialah syarat penulisnya dalam menentukan kesahihan hadith yang sangat ketat. Ibnu Hajar (1997) menyatakan bahawa Al-Bukhari meletakkan syarat agar dikeluarkan sesuatu hadith itu daripada seseorang yang disepakati kepercayaan riwayatnya daripada sahabat yang masyhur tanpa adanya perselisihan dalam kalangan perawi yang dipercayai dan kuat hafalannya serta hendaklah sanadnya bersambung tanpa terputus. Beliau menyebut lagi ketika membandingkan antara karya al-Bukhari dan Muslim: “Karya al-Bukhari lebih kuat dari sudut bersambungnya sanad kerana beliau meletakkan syarat pertemuan antara perawi walaupun sekali manakala Imam Muslim berpada dengan syarat perawi berada pada zaman yang sama”.

### *Kitab Tafsir Surah al-Baqarah*

Cara penyusunan Al-Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya ialah beliau mengumpulkan hadith-hadith mengikut kaedah tematik yang dinamakan ‘kitab’. Di bawah setiap kitab, diletakkan bab-bab yang dinamakan berdasarkan intipati hadith bab. Adakalanya beliau hanya menyebut ‘bab’ tanpa menamakkannya. Salah satu kitab yang terdapat dalam kitab Sahih beliau ialah Kitab Tafsir al-Quran. Bab-bab di bawah Kitab Tafsir al-Quran dinamakan berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang didatangkan dengan riwayat-riwayat yang berkaitan. Ia tidak mencakupi keseluruhan ayat al-Quran tetapi disusun mengikut turutan ayat dan surah dalam mushaf. Artikel ini telah menghadkan kajian kepada bab-bab bagi ayat-ayat surah al-Baqarah sahaja, iaitu melibatkan tujuh puluh satu riwayat hadith sebagai subjek dan skop kajian.

### *Analisis Kandungan*

Pada bahagian ini, pengkaji menganalisis kandungan dengan membuat pemerhatian terhadap tujuh puluh satu hadith daripada bab-bab bagi ayat-ayat surah al-Baqarah. Analisis kandungan dilakukan berdasarkan pendefinisan tafsir Nabawi, jenis-jenis dan bentuk pentafsirannya terhadap al-Quran al-Karim. Hal demikian mampu memberi kefahaman yang sebenar terhadap tafsir Nabawi.

Dapatkan daripada analisis tersebut seperti dalam Jadual 1 di bawah. Pengkaji tidak mengemukakan keseluruhan teks hadith sebaliknya hanya menyenaraikan bilangan hadith, nombor ayat al-Quran mengikut bab, nombor hadith mengikut kitab Sahih al-Bukhari, pangkal hadith (*atraf al-hadith*), kategori hadith dan jenis tafsir yang dikaji.

Bil. Hadith	No. Ayat	No. Hadith	Pangkal Hadith ( <i>Atraf al-Hadith</i> )	Kategori Hadith	Jenis Tafsir
31	4476		يَجْتَمِعُ الْمُؤْمِنُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
22	4477		أَيُّ الذِّئْبُ أَعْظَمُ عَذْنَ اللَّهِ؟	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
57	4478		الْكَمَاءُ مِنَ الْمَنِ، وَمَاوُهَا شِفَاعَةٌ لِلْعَيْنِ	Tafsir Lughawy	Bukan Tafsir Nabawi
58	4479		قُيلَ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ: {إِنْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةً} [البقرة: 58]	Tafsir Lafzi Sarih	Tafsir Nabawi
97	4480		سَمِعَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ، يُقْدُومُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ	Tafsir Lafzi Sarih	Tafsir Nabawi
106	4481		أَفَرَوْنَاتِي أَبِيِّ، وَأَقْضَانَا عَلَيِّ،	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
116	4482		كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكُ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
125	4483		وَأَفَقَثَ اللَّهُ فِي ثَلَاثٍ، أَوْ وَأَفْقَنِي رَبِّي فِي ثَلَاثٍ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
127	4484		أَلَمْ تَرَيْ أَنْ قَوْمَكَ بَنَوَا الْكَعْبَةَ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
136	4485		لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابَ وَلَا تُكَذِّبُوهُمْ	Tafsir Istisyadi	Tafsir Nabawi
142	4486		أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى إِلَى بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ شَهْرًا	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi
143	4487		يُدْعَى نُوحٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيَقُولُ: لَبِّيَكَ وَسَعْدِيَكَ يَا رَبَّ	Tafsir Lafzi Sarih	Tafsir Nabawi
143	4488		بَيْنَ النَّاسِ يُصْلُونَ الصُّبْحَ فِي مَسْجِدِ قَبْيَاءِ، إِذْ جَاءَ جَاءَ فَقَالَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
144	4489		لَمْ يَبْقَ مِنْ صَلَّى الْفَتَنَتَيْنِ غَيْرِي	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
145	4490		بَيْنَمَا النَّاسُ فِي الصُّبْحِ يُقْبَيْءُ، جَاءَهُمْ رَجُلٌ فَقَالَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
146-147	4491		بَيْنَ النَّاسِ يُقْبَيْءُ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ، إِذْ جَاءَهُمْ آتٍ، فَقَالَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir


				Nabawi
148	4492	صَلَّيْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَحْوِي بَيْتَ الْمَقْدِسِ سِّيَّةً عَشْرَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
149	4493	بَيْتَنَا النَّاسُ فِي الصُّبْحِ بِقُبَّاءِ، إِذْ جَاءَهُمْ رَجُلٌ فَقَالَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
150	4494	فَقَالَ: بَيْتَنَا النَّاسُ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ بِقُبَّاءِ، إِذْ جَاءَهُمْ آتٍ فَقَالَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
158	4495	فَلَمْ لِعَائِشَةَ رَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَنَا يَوْمَئِذٍ حَدِيثُ السَّنَنِ	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi
158	4496	كُنَّا نَرَى أَنَّهُمَا مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ، فَلَمَّا كَانَ الْإِسْلَامُ أَمْسَكَنَا عَنْهُمَا	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi
165	4497	مَنْ ماتَ وَهُوَ يَدْعُو مِنْ دُونِ اللَّهِ نِدًا دَخَلَ النَّارَ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
178	4498	كَانَ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ الْقِصَاصُ، وَلَمْ تَكُنْ فِيهِمُ الدِّيَةُ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
178	4499	كِتَابُ اللَّهِ الْقِصَاصُ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
178	4500	يَا أَنْسُ، كِتَابُ اللَّهِ الْقِصَاصُ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
183	4501	مَنْ شَاءَ صَامَهُ، وَمَنْ شَاءَ لَمْ يَصُمُّهُ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
183	4502	مَنْ شَاءَ صَامَ، وَمَنْ شَاءَ أَفْطَرَ	Tafsir Maudui	Bukan Tafsir Nabawi
183	4503	الْيَوْمُ عَاشُورَاءُ؟ فَقَالَ: «كَانَ يُصَامُ قَبْلَ أَنْ يُنْزَلَ رَمَضَانُ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
183	4504	كَانَ يَوْمُ عَاشُورَاءُ تَصُومُهُ قُرْيَشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
184	4505	صَحِيحٌ لَيْسَتْ بِمَنْسُوخَةٍ هُوَ الشَّيْخُ الْكَبِيرُ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
185	4506	فِدْيَةٌ طَعَامٌ مَسَاكِينٌ قَالَ: هِيَ مَنْسُوخَةٌ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
185	4507	لَمَّا نَرَلْتُ: {وَعَلَى الَّذِينَ يُطْبِقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامٌ مَسَاكِينٌ} [البقرة: 184].	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
187	4508	لَمَّا نَرَلَ صَوْمَ رَمَضَانَ كَانُوا لَا يَقْرَبُونَ النِّسَاءَ رَمَضَانَ كُلُّهُ	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi
187	4509	إِنَّ وَسَادَكَ إِذَا لَعْرِيَضُ أَنْ كَانَ الْخَيْطُ الْأَيْيَضُ	Tafsir Lafzi Sarikh	Tafsir Nabawi
187	4510	إِنَّكَ لَعْرِيَضُ الْفَقَاءِ، إِنَّ أَصْرَرْتَ الْخَيْطَيْنِ	Tafsir Lafzi Sarikh	Tafsir Nabawi
187	4511	وَأَنْزَلْتُ: {وَكُلُوا وَاשْرُبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَيْيَضُ}	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi

THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

189	4512	كَانُوا إِذَا حَرَمُوا فِي الْجَاهِلِيَّةِ أَتَوْا الْبَيْتَ مِنْ ظَهْرِهِ	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
193	4513	يَمْنَعُنِي أَنَّ اللَّهَ حَرَمَ دَمَ أَخِي	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
193	4514	يَا ابْنَ أَخِي بْنِي الإِسْلَامِ عَلَى حَمْسٍ،	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
193	4515	أَمَّا عَثَمَانُ فَكَانَ اللَّهُ عَفَا عَنْهُ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
195	4516	نَزَّلْتُ فِي النَّفَقَةِ	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
196	4517	حُمِلَتْ إِلَيَّ التَّبَيِّنَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقَمْلُ يَتَناَثِرُ عَلَى وَجْهِي	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
196	4518	أَنْزَلْتُ آيَةَ الْمُشْعَةِ فِي كِتَابِ اللَّهِ	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
198	4519	كَانَتْ عَكَاظَةً، وَمَجْنَةً، وَذُو الْمَجَازِ أَسْوَافًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
199	4520	كَانَتْ قُرْيَشٌ وَمَنْ دَانَ بِيَهَا يَقْوُنُ بِالْمُرْدَلَفَةِ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
199	4521	بَطَرَفَ الرَّجُلُ بِالْبَيْتِ مَا كَانَ حَلَالًا حَتَّى يُهَلِّ بِالْحَجَّ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
201	4522	اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً	<i>Tafsir Fi 'li</i>	Tafsir Nabawi
204	4523	أَبْغَضُ الرِّجَالَ إِلَى اللَّهِ الْأَكْدُ الْخَصِيمُ	<i>Tafsir Maudui</i>	Bukan Tafsir Nabawi
214	4524	{حَتَّى إِذَا اسْتَيْأَسَ الرَّسُولُ وَظَنَّوْا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِبُوا} [يوسف: 110] حَكِيفَةٌ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
214	4525	مَعَادُ اللَّهِ وَاللَّهُ مَا وَعَدَ اللَّهُ رَسُولُهُ مِنْ شَيْءٍ قَطَّ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
223	4526	إِذَا قَرَا الْقُرْآنَ لَمْ يَتَكَبَّمْ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
223	4527	يَأْتِيهَا فِي	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
223	4528	كَانَتِ الْيَهُودُ تَقُولُونَ: إِذَا جَاءَهُمْ مِنْ وَرَائِهَا جَاءَ الْوَلَدُ أَحْوَلُونَ، فَنَزَّلْتُ	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
232	4529	أَنْ أَخْتَ مَعْقِلَ بْنَ يَسَارٍ طَلَقَهَا زَوْجُهَا	<i>Sabab Nuzul</i>	Bukan Tafsir Nabawi
234	4530	فَدْ نَسَخْتُهَا الْآيَةَ الْأُخْرَى، فَلِمَ تَكْتُبُهَا	<i>Riwayat Sahabat</i>	Bukan Tafsir Nabawi
234	4531	كَانَتْ هَذِهِ الْعِدَّةُ، تَعَدُّ عِنْدَ أَهْلِ زَوْجِهَا وَاجِبٌ	<i>Nasikh Mansukh</i>	Bukan Tafsir


				Nabawi
234	4532	أَجْعَلُونَ عَلَيْهَا التَّغْلِيطَ، وَلَا تَجْعَلُونَ لَهَا الرُّحْصَةَ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
238	4533	حَبَسْنَا عَنْ صَلَاةِ الْوُسْطَى حَتَّى غَابَتِ الشَّمْسُ	Tafsir Lughawi	Bukan Tafsir Nabawi
238	4534	كُلُّا نَتَكَلَّمُ فِي الصَّلَاةِ يُكَلِّمُ أَخْدُنَا أَخَاهُ فِي حَاجَتِهِ	Sabab Nuzul	Bukan Tafsir Nabawi
239	4535	يَتَقَدَّمُ الْإِمَامُ وَطَائِفَةً مِنَ النَّاسِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
234	4536	نَذَعْهَا يَا ابْنَ أَخِي، لَا أَغْيِرُ شَيْئًا مِنْ مَكَانِهِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
260	4537	نَحْنُ أَحَقُّ بِالشَّكٍّ مِنْ إِبْرَاهِيمَ	Tafsir Lafzi Sarih	Tafsir Nabawi
266	4538	فِيمَ تَرَوْنَ [ص:32] هَذِهِ الْآيَةُ تَرَأَتْ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
273	4539	لَيْسَ الْمِسْكِينُ الَّذِي تَرَدَّهُ التَّمَرُّدُ وَالتَّمَرَّانُ	Tafsir Lafzi Sarih	Tafsir Nabawi
275	4540	لَمَّا تَرَأَتِ الْآيَاتِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي الرِّبَا	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
276	4541	لَمَّا أَنْزَلْتِ الْآيَاتِ الْأُولَآخِرِ مِنْ سُورَةِ الْبَقَرَةِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
279	4542	لَمَّا أَنْزَلْتِ الْآيَاتِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
280	4543	لَمَّا أَنْزَلْتِ الْآيَاتِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
281	4544	آخِرُ آيَةٍ تَرَأَتْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آيَةُ الرِّبَا	Riwayat Sahabat	Bukan Tafsir Nabawi
284	4545	أَنَّهَا قَدْ تُسْخَى: {وَإِنْ تُبَدِّلُوا مَا فِي أَفْسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ} [البَقَرَةُ: 284]	Nasikh Mansukh	Bukan Tafsir Nabawi
285	4546	{إِنْ تُبَدِّلُوا مَا فِي أَفْسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ} [البَقَرَةُ: 284] قَالَ: ««تَسَخَّنُهَا الْآيَةُ الَّتِي بَعْدَهَا	Nasikh Mansukh	Bukan Tafsir Nabawi

Berdasarkan Jadual 1, dapat dipecahkan kategori hadith mengikut kajian ini kepada lapan kategori seperti di Jadual 2.



Jadual 2: *Kategori Hadith*

Daripada lapan kategori yang dinyatakan di jadual 2, hanya *Tafsir Lafzi Sarih*, *Tafsir Fi'li* dan *Tafsir Istisyhadi* yang berada dalam kategori tafsir Nabawi atau tafsir dengan Sunnah secara langsung, manakala *Tafsir Maudui* dan *Tafsir Lughawi* adalah termasuk dalam kategori tafsir dengan Sunnah secara tidak langsung. *Sabab nuzul*, *nasikh mansukh* dan riwayat Sahabat pula adalah tidak termasuk dalam kerangka pentafsiran al-Quran dengan Sunnah. Dapatan ini juga menjelaskan pecahan jenis riwayat tafsir mengikut kajian kepada tafsir dengan Sunnah secara langsung (Tafsir Nabawi), tafsir dengan Sunnah secara tidak langsung dan bukan riwayat tafsir dengan Sunnah, seperti yang dinyatakan di Jadual 3.



Jadual 3: *Jenis Riwayat Tafsir*

Berdasarkan Jadual 3 di atas, tafsir dengan Sunnah secara langsung (tafsir Nabawi) hanya mewakili 13 peratus daripada keseluruhan hadith yang dikaji, manakala tafsir dengan Sunnah secara tidak langsung mewakili 17 peratus menjadikan keseluruhan tafsir dengan Sunnah hanyalah 30 peratus daripada keseluruhan hadith kajian. Hal ini membuktikan beberapa perkara iaitu:

## THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Sahih al-Bukhari tidak hanya memuatkan riwayat tafsir dengan Sunnah di bahagian Kitab Tafsir al-Quran, bahkan turut memuatkan riwayat tafsir dengan selain Sunnah seperti riwayat sahabat, *sabab nuzul* dan *nasikh mansukh*.

Dapatkan menunjukkan riwayat tafsir dengan Sunnah adalah mewakili peratusan yang kecil daripada keseluruhan hadith kajian. Walaubagaimanapun, ia tidak menafikan status kitab Sahih al-Bukhari sebagai salah satu sumber bagi riwayat tafsir dengan Sunnah secara amnya dan tafsir Nabawi secara khusus.

Daripada keseluruhan hadith kajian, tiada satu pun hadith yang mewakili kategori *Tafsir Taqriri*. Ia juga menyokong kenyataan al-Tayyar (2017) bahawa contoh bagi kategori ini adalah sangat sedikit.

Berdasarkan pemerhatian juga, pengkaji mendapati al-Imam al-Bukhari telah menggunakan beberapa pendekatan dalam pentafsiran al-Quran di bawah kitab ini seperti berikut:

Secara umum, metode yang digunakan beliau ialah *tafsir bi al-ma'thur*; iaitu mentafsirkan al-Quran dengan hadith Nabi SAW, pendapat sahabat dan tabi'in.

Mentafsirkan perkataan al-Quran dengan menggunakan sumber bahasa Arab.

Mendatangkan riwayat yang berkaitan dengan *sabab nuzul*, bentuk bacaan al-Qiraat dan *nasikh mansukh*.

Mentafsir ayat-ayat hukum.

## Penutup

Setelah melakukan pembacaan dan penelitian terhadap penulisan-penulisan berkaitan tafsir Nabawi serta pemerhatian dan analisis isi terhadap kitab tafsir al-Quran, surah al-Baqarah daripada kitab Sahih al-Bukhari, maka dapat dirumuskan kajian ini kepada beberapa perkara: Pentafsiran al-Quran dengan Sunnah boleh dibahagikan kepada pentafsiran secara langsung dan tidak langsung. Pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara langsung juga dikenali dengan tafsir Nabawi kerana yang mentafsirkan itu ialah Nabi SAW. Manakala pentafsiran al-Quran dengan Sunnah secara tidak langsung adalah merupakan ijтиhad dan kefahaman pentafsir yang mengaitkan sesuatu Sunnah dengan pentafsiran sesuatu ayat, walaupun pada asalnya Sunnah tersebut tidak datang dalam konteks menjelaskan makna ayat tersebut.

Jenis-jenis Tafsir Nabawi boleh dibahagikan kepada Tafsir *Lafzi Sarih*, *Fi'li*, *Taqriri* dan *Istisyhadi* manakala tafsir dengan Sunnah secara tidak langsung boleh dibahagikan kepada Tafsir *Lughawi*, *Maudui*, *Tarjihi* dan *'Aam*.

Sunnah merupakan salah satu sumber utama dalam penjelasan dan pentafsiran al-Quran. Kajian ini menunjukkan kitab Sahih al-Bukhari melalui Kitab Tafsir al-Quran mempunyai sumber yang penting dan sahih bagi riwayat tafsir dengan Sunnah secara amnya dan tafsir Nabawi secara khusus.

## Rujukan

### Al-Quran.

Al-'Abbad, Abd al-Muhsin Bin Hamd. (1390). *الإمام البخاري وكتابه الجامع الصحيح*. Universiti Islam Madinah Munawwarah, Arab Saudi.

Al-Batli, Khalid Bin Abd Aziz. (2011). *لتفسیر النبوي مقدمة تأصیلية مع دراسة حديث لاحادیث*.

- الصَّرِيحُ التَّفْسِيرُ النَّبِيُّ. Dar Kunuz Isybilia, Riyadh, Arab Saudi, Cet. 1, 2011, 54-70.
- الجامع المسند الصحيح المختصر من أمور رسول الله صلى الله عليه وسلم وسننه وأيامه Tahqiq: Muhammad Zuhair Bin Nasir al-Nasir. Dar Thouq al-Najah.
- التفسيير النبوى دراسة تطبيقية من كتاب التفسير سنن الترمذى المسمى. (1435). Al-Duraibi, Isa Bin Nasir.
- بالجامع المختصر من السنن عن رسول الله ومعرفة الصحيح والمعلوم وما عليه العمل (المصادر - الأنواع- المناهج) Jurnal Tibyan li al-Dirasat al-Quraniyyah. Vol 15.
- Al-Dzahabi, Muhammad Bin Husain. (t.t). علم التفسير. Dar al-Ma'arif, Kaherah, 35-36.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. (2006). تعريف الدارسين بمناهج المفسرين. Cet. 2. Dar al-Qalam, Beirut.
- Al-Nawawi, Yahya Bin Syaraf. (1392). المنهاج شرح صحيح مسلم بن الحجاج. Dar Ihya' Turath al-'Arabi, Beirut.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman Bin Abu Bakr. (1974). الإتقان في علوم القرآن. Tahqiq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Al-Haiah al-Misriyyah Ammah li al-Kitab.
- Al-Tayyar, Musa'id Bin Sulaiman. (2017). التحرير في أصول التفسير. Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah, Ma'had al-Imam al-Syatibi, Arab Saudi, 62-77.
- Ibnu Hajar, Ahmad Bin Ali. (1379). فتح الباري شرح صحيح البخاري. Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- Ibnu Hajar, Ahmad Bin Ali. (1997). نخبة الفكر في مصطلح أهل الأثر. Tahqiq: 'Isam al-Sababiti & Imad al-Sayyid. Dar al-Hadith, Kaherah.
- Ibnu Kathir, Ismail Bin Umar. (1986). البداية والنهاية. Dar al-Fikr, Syria.
- Ibnu Qayyim, Muhammad Bin Abi Bakr al-Jauziah. (1973). الفوائد. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 250.
- Ibnu Solah, Uthman Bin Abd al-Rahman. (1986). معرفة أنواع علوم الحديث. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Dar al-Fikr, Syria.
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad Bin Abd al-Halim. (1995). مجموع الفتاوى. Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'ati al-Mushaf al-Syarif, Madinah Munawwarah, Arab Saudi (13: 363).
- Muhammad Misbah. (2020). Studi Kitab Hadis: Dari Muwaththa' Imam Malik Hingga Mustadrak al-Hakim. Ahlimedia Press.
- Muhammad Muqatili. (2009). التفسير النبوى حقيقته ومصادره. Universiti al-Haj Lakhdar-Batinah, Algeria. Tesis Master Pengajian Islam, Kitab dan Sunnah.
- Muhsin, Khalaf Sulaiman. (2018). تفسير النبي صلى الله عليه وسلم لقرآن. <https://2u.pw/VaQUC>.